

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**SOALAN**

**YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dan jumlah penjimatan yang dilakukan oleh Kerajaan ke atas perbelanjaan Jemaah Menteri dan anggota pentadbiran dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Perikatan Nasional sangat prihatin dengan kedudukan ekonomi negara serta kebajikan rakyat keseluruhannya. Sebagai langkah penjimatan dalam menghadapi kegawatan ekonomi susulan penularan wabak COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kerajaan telah bersetuju supaya 2 bulan gaji pokok kesemua Anggota Pentadbiran (YAB Perdana Menteri, YB Menteri dan YB Timbalan Menteri) dipotong dan disumbangkan kepada Tabung COVID-19 sebagai tanda empati dan solidariti Anggota-Anggota Pentadbiran bersama rakyat.

Sekian, terima kasih.